

**sains**

# **KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2023 KHAMIS**

**NEW  
STRAITS TIMES**

**Star Kosmo!**  
The people's paper

**Utusan MALAYSIA**

**Metro**

**Sinar**  
suara akhbar komuniti anda

**BERITA HARIAN**

**astro AWANI**

**malaysiakini**  
terkini untuk anda

**NOGORI KITO**

**BERNAMA**

**facebook**

**星洲日報**  
SIN CHEW DAILY

**THE EDGE  
MARKETS**

**Sun**

**FMT  
news**  
FREE AND INDEPENDENT

**中國報**  
CHINA PRESS

**malaymail**  
Since 1988

## SAINS, SPAN serbu restoran disyaki curi air

SEREMBAN: Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) menyerbu dua restoran berasingan di sini, selepas dikesan mencuri air melalui penyambungan paip secara haram.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat SAINS, Norzita Ismail, berkata serbuan dilakukan jam 2 petang semalam bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) diketuai pegawai SPAN, Erwan Erazak.

"Siasatan di lokasi mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan meter air milik premis lain.

"Bekalan air daripada penyambungan tidak sah itu digunakan untuk memasak, kegunaan di sinki serta tandas di premis terbabit.

"Pegawai penguat kuasa SAINS turut menjalankan ujian klorin di lokasi berkenaan dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS.

"Pihak SPAN menyita semua pepasan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti serta mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada penghuni premis berkenaan," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang memperuntukkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Katanya, SAINS akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan mencuri air di seluruh negeri tanpa mengira kes membabitkan pengguna komersial atau domestik.

"Pengguna yang mempunyai maklumat atau ingin melaporkan sebarang kes curi air boleh membuat aduan kepada pihak SAINS," katanya.

## PAAB sumbang RM50,000 untuk dua sekolah naik taraf bekalan air

SEREMBAN: Seremban: Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), syarikat milik penuh Kementerian Kewangan memilih dua sekolah di daerah ini untuk menerima dana melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PAAB.

Ia adalah sebahagian program 'School Sustainability' yang dilaksanakan agensi itu sejak 2019.

Ketua Pegawai Operasi PAAB, Zulkiflee Omar, berkata dua sekolah berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Astana Raja dan SK Tun Haji Abdul Malek, di sini, yang masing-masing menerima dana berjumlah RM25,000.

Katanya, program CSR itu adalah inisiatif syarikat ini untuk menaik taraf kemudahan bekalan air di sekolah berkenaan.

"Ini bagi memastikan semua pelajar dan guru dapat menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan lebih kondusif tanpa sebarang gangguan bekalan air yang boleh mengganggu kelancaran sesi P&P berkenaan.

"Program ini di kedua-dua sekolah terabit sudah bermula Oktober tahun lalu dengan kerja-kerja menaik taraf kemudahan bekalan air dijalankan dalam tempoh tiga bulan menggunakan peruntukan yang disalurkan.

"Tiga bulan berikutnya pula adalah untuk memupuk budaya penjimatkan air di peringkat sekolah kepada semua pelajar dan guru menerusi Kempen Kesedaran Air PAAB," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Kesedaran Air PAAB dan majlis penyerahan dana berkenaan di SK

Astana Raja di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Mohd Yazid Ahmad; Guru Besar SK Astana Raja, Azman Ambia dan Guru Penolong Kanan SK Tun Haji Abdul Malek, Noor Affendin Ab Jani.

Zulkiflee berkata, pemilihan kedua-dua sekolah itu adalah berdasarkan kedudukannya yang terletak dalam jajaran projek pembinaan Loji Rawatan Air Sawah Raja Fasa 2, serta kerjakerja pemasangan paip air dan tangkiimbangan Bukit Sembilan di sekitar daerah ini.

"Semua projek berkenaan bernilai RM79 juta mula dibina pada November 2015 dan siap sepenuhnya pada Oktober tahun lalu," katanya.

Katanya, PAAB yang ditubuhkan pada 2006 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri (SPAN) melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 membantu kerajaan dalam merealisasikan pelan penstrukturkan semua industri perkhidmatan air di negara ini dengan kadar pembiayaan yang kompetitif.

Dalam pada itu, beliau juga berkata, pelancaran kempen berkenaan berdasarkan empat teras utama, iaitu memupuk penjagaan alam sekitar, menghargai kepentingan air, sikap kesukarelawan dan merapatkan komuniti setempat.

"Projek kami turut membabitkan pembabitkan komuniti seperti dilaksanakan di sekolah ini, sekali gus teras utama kempen ini berkaitan pendidikan, alam sekitar dan komuniti," katanya.

Zulkiflee berkata, secara keseluruhan setakat ini terdapat 10 sekolah telah dikenal pasti dipilih dalam program ini


membabitkan beberapa negeri di seluruh Semenanjung.

## PAAB salur RM50,000 naik taraf kemudahan bekalan air dua sekolah di Rembau

REMBAU, 9 Feb (Bernama) – Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB) menerusi insiatif program 'PAAB School Sustainability' menyalurkan peruntukan RM50,000 kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Astana Raja dan SK Tun Haji Abdul Malek, di sini, bagi menaik taraf kemudahan bekalan air di sekolah berkenaan.

Ketua Pegawai Operasinya, Zulkiflee Omar, berkata menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), setiap sekolah tersebut menerima RM25,000 bagi kerja membaik pulih kemudahan air yang diljalankan dalam tempoh tiga bulan bermula Oktober lalu.

Katanya, pada tiga bulan berikutnya, PAAB mengadakan Kempen Kesedaran Air bertujuan memupuk budaya penjimatian air di peringkat sekolah kepada semua pelajar dan guru.



Ketua Pegawai Operasi Pengurusan Aset Air Berhad Zulkiflee Omar (dua, kiri) dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Astana Raja, Azman Ambia (dua, kanan) bertukar dokumen pada majlis pelancaran Kempen Kesedaran Air Pengurusan Aset Air Berhad di Sekolah Kebangsaan (SK) Astana Raja, hari ini.

"Ini merupakan inisiatif syarikat untuk menaik taraf kemudahan bekalan air di sekolah terlibat bagi memastikan semua pelajar dan guru dapat menjalani sesi pembelajaran dengan lebih kondusif.

"Pemilihan dua sekolah ini berdasarkan kedudukannya yang terletak dalam jajaran Projek Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Sawah Raja Fasa 2 serta kerja pemasangan paip air dan tangki imbangan Bukit Sembilan di sekitar daerah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Kesedaran Air PAAB di SK Astana Raja, hari ini.

Turut hadir ialah Guru Besar, SK Astana Raja, Azman Ambia dan Guru Besar, SK Tun Haji Abdul Malek, Noor Affendin Ab Jani.

Beliau berkata PAAB telah memilih 10 sekolah di seluruh negara dan kini dalam siri jelajah ke seluruh semenanjung bermula di sekolah di Kelantan, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang, Melaka dan beberapa negeri lain bagi kerja-kerja pembinaan aset air.

Katanya, CSR PAAB School Sustainability berteraskan empat teras utama merangkumi kewujudan alam sekitar, pendidikan kesedaran air, kerja sukarelawan dan projek melibatkan komuniti.